

Graduan UPM juara RBC

» Nurul Asmah raih RM30,000 hasil projek dedak ayam

Oleh Hazwan Faisal
Mohamad

hazwanfaisal@bh.com.my

► Bangi

Projek ternakan ayam 'free range' iaitu penghasilan makanan dedak untuk ayam kampung membolehkan graduan Sarjana Muda Sains Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurul Asmah Ismail Bontak, 26, muncul johan pertandingan Rural Business Challenge (RBC) kategori Idea Perniagaan 2015.

Gadis dari Sungai Besar, Selangor itu berjaya menewaskan 199 peserta lain dan menerima wang tunai RM30,000.

Ayam kampung

Nurul Asmah berkata, idea perniagaannya itu teretus selepas terbabit dalam perusahaan ayam kampung dan mendapati harga jualan dedak mahal iaitu RM107 seguni.

Susulan itu, katanya, beliau berusaha menghasilkan formula dedak khusus untuk ayam kampung dan berjaya mengeluarkannya pada harga RM75 seguni iaitu 29 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.



Nur Asmah bersama Muhammad Firdaus bergambar dengan wang kemenangan selepas penilaian akhir Pertandingan RBC 2015 di Bangi, semalam. [FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

"Ketika ini, dedak berkenaan masih dalam peringkat percubaan dan belum dikomersialkan lagi, namun selepas setahun mencuba kami dapati kualiti ayam kampung yang dihasilkan setanding dengan penggunaan dedak lain.

"Saya merancang untuk

“
Kami dapati kualiti ayam kampung yang dihasilkan setanding dengan penggunaan dedak lain”

Nurul Asmah Ismail Bontak,
Graduan UPM

mengkomersialkan makanan dedak ini pada pertengahan tahun depan dibantu dengan duit kemenangan ini yang membolehkan saya membeli mesin diperlukan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Hadiah disampaikan Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub di Institut Kemajuan Desa (INFRA) di sini, semalam. Naib johan dimenangi Muhammad Firdaus Mansor, 26, dari Kedah dengan idea perniagaan projek cendawan mega dan memenangi hadiah wang tunai RM20,000.

Lapan lagi peserta akhir masing-masing mendapat hadiah sagu hati iaitu wang tunai

RM10,000 setiap seorang.

Sementara itu, Ahmad Jazlan berkata, pertandingan RBC itu adalah antara usaha kerajaan untuk membantu usahawan terutama dari luar bandar mengembangkan perniagaan mereka.

Katanya, kerajaan sentiasa membantu usahawan tetapi mereka tidak wajar mengharapkan bantuan kerajaan untuk berjaya.

"Kita mesti berusaha, ada kegigihan dan inisiatif serta paling penting kena fokus dan yakin pada diri sendiri.

"Usahawan yang mahu berjaya perlu mengikis sikap tidak mengapa jika rugi kerana ia membabitkan duit kerajaan," katanya.